

30 SEP 2003

LIMA-Aerobatik

LIMA 03 BERMULA DENGAN PERTUNJUKAN AEROBATIK YANG MEMPERSONA

LANGKAWI, 30 Sept (Bernama) -- Edisi ketujuh Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi (LIMA 03) bermula hari ini dengan pertunjukan aerobatik yang mempersonakan oleh beberapa pasukan aerobatik.

Sebanyak empat buah pesawat pejuang F-5E Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) melakukan lintas hormat, beberapa minit selepas perasmian dilakukan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC).

Pesawat lama itu yang merupakan tunjang keupayaan TUDM semasa darurat menghiburkan penonton dengan beberapa gerakan yang setanding dengan keupayaan pesawat pejuang moden yang lain.

Di langit atas pusat pameran pula kelihatan 160 anggota Pasukan Aturgerak Cepat (RDF) Tentera Darat digugurkan daripada dua pesawat C-130 Hercules TUDM.

Untuk menjadikan acara itu sesuatu yang tidak dapat dilupakan, kesemua 160 anggota RDF itu yang mendarat di landasan terbang Padang Matsirat dilahirkan di Kedah.

Pesawat Hornet FA-18D TUDM juga berderum di langit semasa majlis perasmian LIMA 03 dengan enam pesawat jenis itu daripada Skuadron No 18 berpangkalan di Butterworth mempamerkan beberapa gerakan yang sukar.

Pesawat itu yang dibeli daripada Amerika Syarikat beberapa tahun lepas melakukan beberapa aksi seperti "fan burst", "afterburner loop" dan "vertical bombers" yang menerima sorakan gemuruh penonton.

Pesawat-pesawat itu yang mempunyai kelajuan maksimum 1.8 mach juga melakukan lintas hormat pada aras rendah melintasi MIEC.

Panglima TUDM Jen Datuk Abdullah Ahmad juga mengambil bahagian dalam majlis perasmian apabila beliau menerbangkan sebuah helikopter Aloutte MK 3, dan melakukan beberapa gerakan.

Pada helikopter itu tertera "For You Dr Mahathir" (Bagi Anda Dr Mahathir) dan "Kernamu Dr Mahathir" dan ia berlegar di langit atas usaha Abdullah yang mahu mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri kerana mempermodenkan TUDM.

Sebanyak tujuh lagi pesawat pejuang MiG-29N daripada skuadron No 17 dan No 19 yang berpangkalan di Kuantan diketuai oleh Kol Affendi Buang juga mengambil bahagian dalam pertunjukan itu dengan beberapa gerakan bertaraf dunia.

Antara gerakan yang dilakukan oleh pasukan itu ialah, "knife edge" dan "vertical bombers".

Pasukan Aerobatik Red Arrows dari Britain menutup tirai majlis pembukaan. Ia menghiburkan penonton dengan beberapa gerakan rapat dengan pesawat-pesawat itu menghampiri satu sama lain iaitu jarak antara mereka pada satu ketika hanya enam kaki.

Sembilan pesawat Hawk dalam pasukan itu yang diketuai oleh ketua skuadron Spike Jepsen berderum di langit untuk melakukan beberapa gerakan seperti "Gripen", "Diamond 9" "Apollo Bend" dan "Double Diamond Row".

-- BERNAMA

MHI MUN PR